

| | | | |
|------------|--------------------------------------------|-------------|--------------------|
| Headline | Penerbangan jemaah haji KT31 tiba hari ini | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 04 Nov 2013 | Color | Black/white |
| Section | Setempat | Circulation | 324,097 |
| Page No | 3 | Readership | 1,981,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 58 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,191 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,573 |



Penerbangan jemaah haji KT31 tiba hari ini

Penerbangan jemaah haji, KT31 melalui Saudia Airlines SV5616 yang dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pada jam 8.50 malam tadi, kini dijadualkan semula untuk tiba pada 12.50 tengah hari ini

Lembaga Tabung Haji dalam kenyataan malam ini memaklumkan penjadualan semula itu membabitkan 450 jemaah haji.

“Semua jemaah haji yang terlibat berada dalam keadaan baik di bawah penjagaan Saudia Airlines dan berehat sementara menunggu waktu perlepasan penerbangan baru yang dijangka pada jam 11 malam (waktu Arab Saudi),” menurut kenyataan itu.

Tabung Haji dan Saudia Airlines memohon maaf atas segala kesulitan yang tidak dapat dielakkan dan anggota keluarga dinasihati menghubungi KLIA atau Pusat Panggilan TH di talian 03-6207 1919 untuk mendapatkan waktu ketibaan terkini selepas jam 7 pagi hari ini.
-BERNAMA